

Suspek curi lembu meninggal

BESUT 17 Mac - Salah seorang daripada suspek yang disyaki mencuri lembu yang rentung dalam kemalangan sebuah kereta di Kampung Bukit Kenak, Jerteh, di sini awal pagi semalam, meninggal dunia.

Suspek yang mengalami kecederaan setelah kereta tersebut terbabas dan terbakar meninggal dunia kira-kira pukul 2.10 petang semalam di Hospital Besut.

Ketua Polis daerah, Superintenden Khaled Che Lah ketika dihubungi berkata, punca kematian suspek masih disiasat.

Dalam kejadian yang berlaku awal pagi semalam, mangsa dan rakannya kesian oleh anggota

polis peronda sedang membawa seekor lembu dalam sebuah kereta Nisan Cefiro di kawasan Jabi dekat Jerteh kira-kira pukul 3.40 pagi.

Menyedari kenderaan mereka diekori, suspek telah memecut kereta ke arah Jerteh sebelum terbabas dan terbakar di Jalan Kuala Terengganu-Jerteh.

Pihak Bomba dan Penyelamat Jerteh dipanggil untuk membantu memadamkan kebakaran.

Bagaimanapun suspek yang mempunyai lapan rekod jenayah lampau, bertindak agresif bagi mengelak daripada ditangkap manakala rakan jenayahnya yang dipercayai pemandu kenderaan itu berjaya melarikan diri.



KEADAAN lembu yang dicuri rentung dalam kemalangan sebuah kereta di Kampung Bukit Kenak, Jerteh, Besut, Terengganu, kelmarin.